



03 JUN, 2024

## 2 pegawai kastam didakwa rasuah tak periksa lori di KLIA

Kosmo, Malaysia



## 2 pegawai kastam didakwa rasuah tak periksa lori di KLIA

Oleh ROSMIZAN RESDI

**KOTA BHARU** – Dua pembantu penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM4,300 untuk tidak memeriksa lori barangan dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), empat tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Mohd. Faizul Mat Nasir, 34, dan Mohamad Rasul Mohd. Zukri, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahrudin.

Mohd. Faizul didakwa dengan satu pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM1,750 pada 16 Julai 2020, manakala Mohamad Rasul didakwa dengan dua pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM2,550



**MOHAMAD RASUL (depan) dan Mohd. Faizul (belakang, tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu untuk didakwa atas pertuduhan menerima rasuah semalam.** – KAMARUL BISHMI KAMARUZAMAN

pada 8 September dan 13 September tahun yang sama.

Mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada seorang pemilik syarikat

berusia 38 tahun melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori-lori kargo milik



**KERATAN Kosmo/ 31 Mei 2024.**

syarikat itu yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Ketiga-tiga kesalahan itu dilakukan oleh mereka di cawangan sebuah bank di sini.

Mohd. Faizul dan Mohamad Rasul didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Afif Ali dan Nurul Atiqah Mohamad Alias, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Adhwa' Atiqah Mohd. Azmi.

Mahkamah membenarkan Mohd. Faizul diikat jamin sebanyak RM7,000, manakala Mohamad Rasul pula RM8,000 masing-masing dengan seorang penjamin.

Jaminan itu turut disertai dengan syarat tambahan iaitu kedua-dua tertuduh tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan, mengakses komputer atau dokumen dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 21 Julai ini untuk sebutan semula bagi ketiga-tiga kes.

Kedua-dua tertuduh membayar ikat jamin tersebut.

Setakat ini, seramai 18 anggota Kastam didakwa di mahkamah atas pertuduhan rasuah.



03 JUN, 2024

## 2 pegawai kastam didakwa rasuah tak periksa lori di KLIA

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

2 pegawai kastam didakwa rasuah tak periksa lori di KLIA Oleh ROSMIZAN RESDI KOTA BHARU - Dua pembantu penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM4,300 untuk tidak memeriksa lori barangan dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur +(KLIA), empat tahun lalu. Kedua-dua tertuduh, Mohd. Faizul Mat Nasir, 34, dan Mohamad Rasul Mohd.